

Kepada : Kakitangan UPSI  
Daripada : Bendahari  
Ruj. Kami : UPSI/BEN/APK/682 JLD 28 C124)  
Tarikh : 04 November 2024  
02 Jamadilawal 1446H

**PINDAAN SYARAT KEPERLUAN PENJAMIN BAGI PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER/TELEFON PINTAR UPSI**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke 152 Bil. 4/2024 pada 30 Oktober 2024 telah meluluskan pindaan syarat keperluan penjamin bagi pinjaman kenderaan dan komputer / telefon pintar UPSI seperti berikut :

Bil	Pinjaman	Keperluan Penjamin
1.	Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada penjamin diperlukan bagi yang berjawatan tetap dan disahkan jawatan</li> <li>ii. Dua (2) orang penjamin diperlukan bagi berjawatan tetap tetapi belum disahkan jawatan dan jawatan kontrak</li> <li>iii. Memerlukan kenderaan untuk menjalankan tujuan rasmi</li> </ul>
2.	Komputer/ Telefon Pintar	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada penjamin diperlukan bagi yang berjawatan tetap dan disahkan jawatan</li> </ul>

3. Pindaan ini dibuat bertujuan untuk memudah dan menggalakkan lebih ramai staf membuat pinjaman kenderaan dan komputer/telefon pintar UPSI. Pelaksanaan ini berkuatkuasa mulai daripada keputusan LPU tersebut.

4. Permohonan pinjaman kenderaan dan komputer /telefon bimbit boleh dibuat melalui MyUPSII Portal - Loan Application. Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan boleh hubungi Unit Governan, Kumpulan Wang & Pinjaman, Jabatan Bendahari (UP: Pn. Siti Hasmah Binti Hassim @ Hashim ditalian 5225)

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HJ. NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A (M), ASEAN CPA)**  
Bendahari  
Universiti Pendidikan Sultan Idris